

Najib Mohon Sokongan Rakyat Untuk Terus Majukan Negara
Bernama
7 Mei, 2013

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini meminta seluruh rakyat Malaysia memberi sokongan kepada kerajaan yang baru dipilih untuk membolehkannya terus memajukan negara.

"Dengan penuh rendah hati, saya memohon sokongan anda untuk membolehkan kami membina sebuah negara yang lebih sejahtera. Saya amat berbesar hati kerana berpeluang berkhidmat kepada anda semua sekali lagi," kata Najib dalam mesej melalui laman Twitternya.

Pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) Ahad lepas, Barisan Nasional (BN) memperoleh mandat untuk membentuk kerajaan apabila memenangi 133 daripada 222 kerusi parlimen yang dipertandingkan.

Semalam, Najib mengangkat sumpah sebagai perdana menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Negara di sini.

Beliau juga terus menerima ucapan tahniah melalui Twitter daripada pelbagai pihak, termasuk daripada Duta Besar Amerika ke Malaysia Datuk Paul W.Jones.

"Tahniah @NajibRazak kerana mengangkat sumpah sebagai PM. Kami harap hubungan AS-MY akan bertambah erat," kata Jones.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948036>